

PELAKSANAAN WAKAF DALAM INDUSTRI PERHOTELAN PATUH SYARIAH

APPLICATION WAQF IN SHARIAH COMPLIANT HOTEL INDUSTRY

Mohd Izzuddin Mohd Noorⁱ, Fatimah Nadirah Mohd Noorⁱⁱ & Farrah Yazmin Azizⁱⁱⁱ

ⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Melaka, izzuddin@kuim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Melaka,

fatimahnadirah@kuim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Melaka,

farrahfazmin@kuim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Pengaplikasian wakaf begitu sinonim untuk pembinaan surau, masjid, dan sekolah. Namun seiring dengan peredaran zaman, wakaf juga boleh memainkan peranan penting dalam industri perhotelan patuh Syariah. Penulisan ini berbentuk kualitatif dengan menghimpunkan maklumat daripada bahan-bahan rujukan berbentuk primer terdiri daripada kitab-kitab fiqh ulama silam, dan juga rujukan sekunder kitab-kitab fiqh kontemporari. Selain daripada itu, penulisan ini juga berpandukan kepada artikel ilmiah sama ada yang mengfokuskan kepada hukum-hakam fiqh wakaf, mahupun industri hotel patuh Syariah itu sendiri. Di samping itu, sebenarnya tidak terdapat banyak kajian yang menghuraikan tentang pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah yang menjadikan isu sebegini wajar untuk diangkat sebagai bahan kajian. Ianya juga untuk melihat prospek keperluan memenuhi ciri-ciri Patuh Syariah di hotel-hotel wakaf agar pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah dapat dikembangkan dan dilaksanakan selari dengan prinsip Patuh Syariah. Hasil kajian</i></p>	<p><i>Application of waqf is synonymous with the construction of surau, mosque and, school. However, with the passage of time, waqf also plays an important role in the Shariah-compliant hotel industry. This writing is using qualitative methods by gathering information from primary forms of references, consisting of books from previous fiqh scholars and also secondary references of contemporary fiqh books. In addition, this writing is also based on scientific articles either focusing on the rules(hukum) of waqf or the Shariah-compliant hotel industry. Furthermore, there are not many studies that describe the implementation of waqf in the Shariah-compliant hotel industry which makes such an issue as a matter of study. Hence, it is also to see the prospect of meeting the requirements of Shariah-compliant in waqf hotels so that the implementation of waqf in the Shariah-compliant hotel industry can be developed and implemented in line with Shariah-compliant principles. The study finds that in general, a comprehensive contemporary waqf application in the Shariah-compliant hotel industry can provide a great benefit especially in generating Muslim economics.</i></p>

<p>mendapati, secara umumnya pengaplikasian wakaf secara komprehensif dalam bentuk yang lebih kontemporari dalam industri perhotelan Patuh Syariah mampu memberikan kebaikan yang besar terutamanya dalam menjana ekonomi Umat Islam.</p> <p>Kata kunci: Wakaf, Industri Perhotelan Patuh Syariah.</p>	<p>Keywords: Waqf, Shariah Compliant Hotel Industry.</p>
---	---

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan penganutnya di dunia dan akhirat. Di dalam ajarannya mengandungi amalan yang menghubungkan hamba dengan penciptanya secara langsung seperti solat yang wajib dilaksanakan lima kali sehari semalam, dan juga amalan yang menghubungkan hamba sesama hamba yang memberikan manfaat kepada Umat secara keseluruhan seperti wakaf. Bahkan wakaf merupakan salah satu daripada sumber penjanaan ekonomi dan pembangunan Umat yang berkekalan hasilnya untuk dimanfaatkan sehingga ke hari kiamat. Manakala bagi pewakaf pula, mereka akan diganjar pahala yang berterusan di sisi Allah SWT. Umat Islam sangat digalakkan untuk berwakaf. Ini dapat dilihat daripada nas-nas syarak yang banyak dalam hal ini seperti Surah Al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud:

“Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah seperti sebiji benih tumbuh mengeluarkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu mempunyai seratus biji. Dan Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki dan Allah Maha Luas pemberianNya lagi Maha Mengetahui”

dan hadis nabi SAW

“Apabila mati seseorang, terputuslah amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, anak soleh yang mendoakannya” (Riwayat Muslim).

Sedekah jariah ini membawa maksud wakaf dan hadis ini menjadi dalil akan sahnya wakaf dan besarnya kelebihan wakaf (Al-Nawawi, 1971).

Malah wakaf telah terbukti menjadi sumber kekuatan Umat dalam sejarah kegemilangan tamadun Islam, apabila sektor wakaf menjadi salah satu penyebab kepada kewujudan dan perkembangan kemajuan Umat, sebagai contohnya dalam institusi pendidikan. Seringkali, kita dihidangkan dengan kisah kejayaan wakaf dalam bidang pendidikan seperti mercu tanda

ilmu Mesir iaitu Universiti Al-Azhar, yang merupakan model wakaf pendidikan terbaik yang masih gagah berdiri sampai ke hari ini (Mohd Ali Muhamad Don, 2016). Bahkan di barat, Universiti Harvard juga dikatakan diasaskan atas prinsip wakaf atau 'endowment' dan mendapat sumber dana berkenaan sebanyak \$34 bilion pada tahun 2011 (Norizan Hassan, et.al, 2013). Ini tidak menafikan sumbangan dan peranan wakaf dalam membangunkan institusi yang lain seperti surau, masjid, yang cukup dekat di hati para penyumbang wakaf. Bahkan pada hari ini, terdapat banyak lagi institusi yang boleh dibangunkan menggunakan sistem wakaf. Maka, wakaf sebagai mekanisma membangunkan sektor korporat yang memberikan manfaat yang besar kepada Umat Islam dari sudut ekonomi, perlu diketengahkan, bahkan dimaksimumkan pelaksanaannya terutamanya dalam tujahan baru seperti industri perhotelan Patuh Syariah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Konsep dan hukum wakaf yang boleh menjelma secara dinamik mengikut peredaran zaman, telah menyebabkan ianya boleh dikembangkan dan diaplikasikan dalam pelbagai bentuk untuk kemaslahatan Umat Islam terutamanya di zaman moden ini. Ini terutamanya dalam bidang komersial yang boleh memberikan manfaat berpanjangan kepada Umat Islam seperti dalam industri perhotelan. Sepanjang pengamatan pengkaji, tidak banyak kajian yang dibuat berkaitan dengan pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan, dan apatah lagi dalam industri perhotelan Patuh Syariah. Kajian berkaitan pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah ini perlulah diperbanyakkan memandangkan permintaan terhadap hotel Patuh Syariah sangat memberangsangkan (Utusan Malaysia, 22 April 2016). Maka hal ini, telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian terhadap isu ini bagi mengamati tentang pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah. Selain itu juga, Ianya juga untuk melihat prospek keperluan memenuhi ciri-ciri Patuh Syariah di hotel-hotel wakaf agar pelaksanaan wakaf dalam Industri Perhotelan Patuh Syariah dapat dikembangkan dan dilaksanakan selari dengan prinsip Patuh Syariah itu sendiri.

PENGERTIAN WAKAF

Secara umumnya wakaf merupakan pemindahan hak pemilikan harta daripada pewakaf kepada Allah SWT untuk dimanfaatkan harta tersebut oleh masyarakat awam. Jika dilihat wakaf dari sudut bahasa ianya membawa maksud menahan dan melarang yang diwakili dengan dua perkataan iaitu المنع dan الحبس (Fairus Abadi, 2005. Al-Azhari, 2001)

Dari sudut istilah pula, wakaf mempunyai maksud yang tertentu dalam empat mazhab yang utama. Menurut Mazhab Hanafi, wakaf ialah menahan hak milik barang ke atas pewakaf dan menyedekahkan

manfaatnya (Al-Halabi, 1998), manakala dalam Mazhab Maliki ialah memberikan manfaat secara kekal dalam tempoh barang tersebut masih wujud (Al-'Adwi, t.t). Dalam Mazhab Syafie pula, wakaf ialah menahan harta daripada menggunakannya, yang mungkin boleh dimanfaatkan dalam keadaan kekal keadaan harta tersebut, sebagai satu cara untuk mendekati diri kepada Allah SWT. (Al-Syarbini, 1994, Al-Hisni, 1994). Menurut Mazhab Hanbali, wakaf ialah menahan penggunaan harta yang boleh dimanfaatkan ke atas pemilik secara mutlak dalam keadaan kekal harta tersebut, ianya dilakukan sebagai cara mendekati diri kepada Allah SWT (Al-Hijawi, t.t.), dan menahan harta yang asal, dan memberikan manfaat harta tersebut atau hasilnya kepada awam (Ibnu Qudamah, t.t, Al-Maqdisi, t.t)

Daripada sini, dapatlah disimpulkan bahawa secara umumnya makna wakaf itu, kelihatan sama antara mazhab iaitu menghentikan pemilikan harta ke atas pemilik asal, dengan memberikan hak penggunaan harta tersebut kepada masyarakat awam, sebagai salah satu usaha untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Dari sudut hukum pula, melakukan wakaf adalah sunat, dan ianya salah satu daripada jenis derma yang disunatkan pada pandangan jumur ulama selain daripada mazhab Hanafi (Al-Zuhaily, 1998)

INDUSTRI PERHOTELAN PATUH SYARIAH

Industri perhotelan merupakan satu industri yang kompetitif di Malaysia. Untuk 9 tahun yang lepas, pertumbuhan kemunculan hotel-hotel telah meningkat sebanyak 60% daripada tahun 1992, dan sekarang ini industri perhotelan telah menyediakan 160,000 bilik untuk tetamu dan pengunjung (Serkan Kara, 2017). Sebagaimana yang dimaklumi, industri perhotelan sangat berkait rapat dengan industri pelancongan. Pada tahun 2018, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak RM84.1 Billion kepada ekonomi negara, di mana perbelanjaan per kapita paling tinggi adalah dari Asia Barat iaitu sebanyak RM9947 (Utusan Malaysia, 27 Februari 2019). Hal ini secara umumnya menunjukkan bahawa industri pelancongan Islam juga mempunyai masa hadapan yang cerah di Malaysia jika dilihat kepada jumlah perbelanjaan per kapita oleh pelancong Asia Barat yang bolehlah dikatakan mewakili pelancong Muslim. Kajian yang lepas juga menunjukkan bahawa kebanyakan pelancong dari negara timur tengah adalah Muslim dan sangat mementingkan nilai Islam dalam sektor pelancongan (Abdul Rahman Hamzah, Hairunnizam Wahid, 2018).

Bahkan Malaysia yang merupakan salah sebuah negara OIC, menduduki tempat kedua selepas Turki dari sudut bilangan jumlah pelancong yang berkunjung dan hasil yang dijana daripada pelancongan (Haliza Abdul Rahman, 2018). Fenomena ini juga sebenarnya menjadi penanda aras dan kayu ukur akan perkembangan dan permintaan pasaran yang tinggi terhadap hotel-hotel Patuh Syariah dalam negara ini. Antara

faktor yang boleh menyumbang terhadap perkara ini ialah peningkatan usaha untuk membangunkan industri pelancongan di kalangan negara OIC, pertambahan perbelanjaan oleh pelancong timur tengah menggalakkan pengusaha hotel untuk menyediakan perkhidmatan islamik, dan perkembangan pesat industri halal (Nor Zafir Md Salleh, et.al, 2014). Maka industri perhotelan Patuh Syariah di dalam negara kita, perlulah dipromosikan secara meluas dan agresif untuk merangsangkan sektor pelancongan dalam negara (Mohd Fadil Mohd Yusof, Mohd Zulkifli Muhammad, t.t).

Istilah Patuh Syariah merupakan istilah yang agak baru terutamanya dalam industri perhotelan. Dewasa ini, istilah Patuh Syariah lebih sinonim dengan industri perbankan dan kewangan Islam. Secara umumnya, tiada pengertian yang jelas mengenai istilah Patuh Syariah, namun ianya boleh difahami sebagai satu status yang diberikan oleh pihak tertentu kepada organisasi yang menjalankan aktiviti yang sesuai dengan hukum Islam (Shofian bin Ahmad, t.t). Bahkan Patuh Syariah ialah satu jalan atau cara merujuk kepada undang-undang Islam itu sendiri dan melaksanakan sistem kehidupan secara Islam keseluruhannya (Nur'Hidayah Che Ahmat, Mohd Salehuddin Mohd Zahari, t.t). Dari sudut industri perhotelan pula, hotel Patuh Syariah ialah sebuah hotel yang menyediakan perkhidmatan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. (Siti Fatma Mansor et.al, 2015)

Ini membawa maksud hotel yang Patuh Syariah sepatutnya menyediakan sejadah, Quran, penunjuk arah kiblat, tidak menjual arak, dan tidak membenarkan pasangan yang belum berkahwin untuk menginap (Din K.H., 1982). Dari sudut pengoperasian pula, hotel Patuh Syariah ialah hotel yang menyediakan makanan dan minuman yang halal, mempunyai reka bentuk yang Islamik, susun atur bilik, fasiliti mesra ibadah, urus niaga perniagaan menggunakan perbankan Islamik, penampilan pekerja yang menutup aurat, layanan dan persekitaran yang kondusif (Nor Azizah Tukiran, et.al, 2018). Apa yang penting sebenarnya ialah pelaksanaan konsep asas utama Syariah yang perlu dititik beratkan oleh pengusaha hotel Patuh Syariah. Ianya melibatkan urusan halal haram dalam soal:

- 1- Makanan, minuman, termasuk suasana dapur memasak yang sentiasa bersih.
- 2- Pengurusan kewangan yang tidak terlibat dengan riba, judi, mahupun gharar.
- 3- Penyediaan ruang dan tempat untuk solat.
- 4- Mewujudkan suasana persekitaran yang selesa dan menarik.
- 5- Pekerja yang berpakaian menutup aurat dan berpekerti mulia.

Kesemua kelima-lima perkara ini, haruslah dipantau oleh sebuah badan penasihat Syariah yang terdiri daripada Majlis Penasihat Syariah yang memantau pelaksanaan konsep Patuh Syariah secara berkala, dan secara harian oleh beberapa orang pegawai Syariah. Bentuk binaan hotel seperti berkubah ataupun tidak, bangunan berseni bina kearaban atau ketimuran, bukanlah persoalan asas yang boleh menjejaskan status sesebuah hotel Patuh Syariah. Ini adalah kerana Syariah meraikan kepelbagaian suku kaum, latar belakang tempat dalam perkara yang sebegini.

Sesebuah hotel Patuh Syariah yang dibina di Cina, sebagai contoh boleh menggunakan seni bina Cina sebagai asas binaan, dan begitu jugalah di tempat atau negara lain, walaupun sebenarnya terdapat pandangan yang mementingkan soal seni bina hotel dalam menentukan status hotel sama ada Patuh Syariah ataupun tidak terutamanya daripada pengkaji barat seperti Rosenberg, Choufany dan Stephenson (Che Musa Che Omar, Noormuthaah Mohamad Ali Adha, 2019). Di samping itu juga, sebenarnya belum ada garis panduan yang tetap mengenai penilaian status Patuh Syariah sesuatu hotel terutamanya daripada JAKIM, namun terdapat juga hotel yang telah diberikan sijil halal kepada restoran hotel berkenaan oleh JAKIM seperti Hotel De Palma, Blue Waves, dan Sime Darby (Siti Fatma Mansor et.al, 2015).

PELAKSANAAN HOTEL WAKAF PATUH SYARIAH

Sejak kebelakangan ini, wakaf yang berbentuk semasa atau kontemporari telah menjadi tujahan baru bagi membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar. Ianya telah mengubah wajah tradisi dan persepsi orang awam berkaitan dengan pembangunan harta wakaf apabila hotel-hotel wakaf mula giat dibangunkan. (Asharaf Mohd Ramli, Abdullah Jalil, 2014). Di bawah peruntukan RMK-9, sebanyak 4 buah hotel wakaf telah berjaya dibangunkan iaitu Hotel Pantai Puteri di Melaka, Hotel Regency Warisan di Perak, Hotel Grand Puteri di Terengganu, dan Klana Beach Resort di Port Dickson Negeri Sembilan. (Mohd Haiyazid bin Mohammad, Sanep bin Ahmad, 2014). Hotel Pantai Puteri di Melaka, Hotel Regency Warisan di Perak, dan Klana Beach Resort telah diberikan peruntukan sebanyak RM 18 juta, manakala Hotel Grand Puteri di Terengganu diberikan peruntukan sebanyak RM20 juta (Asmak Ab Rahman, 2009).

Hotel Pantai Puteri Melaka

Sebuah hotel yang dibangunkan hasil kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Hotel ini mempunyai 80 bilik biasa, lima bilik eksekutif, dua bilik ketua rombongan, tiga bilik asrama lelaki dan perempuan, satu dewan serbaguna, satu bilik

seminar, satu bilik banquet, satu bilik mesyuarat, kolam renang, dan cafeteria (<https://www.ywm.gov.my/pantai-puteri>).

Hotel Regency Warisan Perak

Sebuah hotel yang dibangunkan atas kaedah Bina-Pajak-Kendali-Selenggara-Milik, hasil kerjasama Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPK) dan JAWHAR. Hotel ini dilengkapi dengan 45 buah bilik single, berkembar dan family, satu dewan bankuet, tiga bilik seminar, cafeteria dan lain-lain Ianya merupakan aset yang berharga kepada MAIPK dengan memberikan pulangan sebanyak lebih kurang RM900,000.00 bermula tahun 2012 sehingga 2015, dan jumlah pelancong dianggarkan seramai 400-600 sebulan (Nurul Azma binti Abu Bakar, et.al, 2017).

Klana Beach Resort

Sebuah hotel yang dibangunkan berhampiran dengan Kompleks Baitul Hilal iaitu sebuah pusat kaji bintang yang moden. Hotel ini mempunyai 82 bilik yang dibahagikan kepada 43 bilik superior, 39 bilik deluxe, dan 3-unit apartment. Ianya merupakan hotel pertama di Negeri Sembilan yang menawarkan konsep Patuh Syariah (Mohamad Khairul Izwan Rifin, et.al, 2014)

Hotel Grand Puteri di Terengganu

Sebuah hotel yang dibangunkan hasil kerjasama JAWHAR dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Hotel ini mempunyai 180 bilik yang juga dilengkapi dengan dewan seminar, kolam renang, surau dan restoran (<https://www.ywm.gov.my/grand-puteri>).

Secara umumnya, kesemua hotel ini boleh dikatakan mengamalkan konsep hotel Patuh Syariah, namun usaha-usaha harus diambil dan ditingkatkan bagi menambah baik terhadap pematuhan konsep Patuh Syariah tersebut (Nor' Azzah Kamri, et.al, 2016). Daripada sudut yang lain, hal ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah pembinaan hotel-hotel wakaf ini masih dalam kuantiti yang kecil dan hanya bertaraf tiga bintang sahaja, namun ia sebenarnya juga menunjukkan bahawa pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah mempunyai prospek yang cerah dan besar pada masa yang akan datang, apatah lagi ianya mendapat sambutan yang menggalakkan seperti yang berlaku pada Hotel Regency Warisan Perak (Nurul Azma binti Abu Bakar, et.al, 2014).

Ini juga bermakna apabila berlaku peningkatan permintaan terhadap hotel Patuh Syariah, maka secara langsung ianya menggalakkan kemunculan hotel Patuh Syariah yang dibina atas dasar wakaf. Suatu keganjilan jika sekiranya, hotel-hotel wakaf yang didirikan, terdiri daripada hotel-hotel yang

tidak Patuh Syariah. Ini adalah kerana wakaf adalah suatu perkara yang besar nilainya dalam Islam, bahkan ianya berkaitan dengan hak Allah SWT. Selain daripada itu juga, adalah suatu perkara yang mustahil juga jika hotel-hotel yang dibina atas konsep wakaf beroperasi dalam keadaan melanggar perintah dan kehendak Allah SWT. Bahkan hasil daripada penjanaan dana wakaf ini juga sebenarnya menjamin kelangsungan operasi hotel Patuh Syariah berkenaan. Ini adalah kerana, harta wakaf sewajarnya dipelihara dan dikekalkan kewujudan untuk manfaat kepada Umat sepanjang zaman.

Sesuatu yang perlu dinyatakan juga di sini ialah, pembukaan hotel-hotel wakaf yang Patuh Syariah bukanlah membawa maksud perkhidmatan yang diberikan adalah percuma dan hotel-hotel ini akan menyediakan tempat penginapan tanpa dikenakan sebarang bayaran. Hal ini adalah disebabkan pelaksanaan wakaf secara nyata dalam industri perhotelan Patuh Syariah ini, hanya berkisar kepada wakaf tanah-tanah yang ingin dibangunkan dan dimajukan. Selebihnya, dari sudut untuk mengembangkan lagi aset wakaf yang sedia ada, satu bentuk operasi perniagaan melalui penyewaan perlu dijalankan bagi menjana pulangan keuntungan untuk dikembalikan kepada aset wakaf berkenaan. Soal urus tadbir, penggajian pekerja, dan selenggara baik pulih juga perlu diambil kira kerana semuanya mempunyai kos dan perbelanjaan.

Selain daripada itu, wakaf secara tunai iaitu pemberian wang tunai kepada pengurusan yang sah untuk dikumpulkan dan dijadikan modal bagi menukar dana kepada harta kekal atau membiayai aktiviti-aktiviti wakaf juga turut diaplikasikan dalam industri perhotelan Patuh Syariah (Muhammad Sofiyuddin Zakaria, Mohd Zamro Muda, 2015). Secara umumnya, pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah melibatkan 3 pihak yang bekerjasama iaitu pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemilik tanah wakaf yang mencari tanah yang difikirkan sesuai untuk dibina hotel, pihak kerajaan yang memberikan modal untuk membina hotel, dan JAWHAR sebagai pengurus projek. Setelah hotel tersebut siap dibina, hotel akan menjadi hak milik MAIN, yang akan menyerahkan hotel tersebut kepada Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) untuk diuruskan secara pajakan selama 20 tahun. YWM akan menyewakan hotel berkenaan kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk mengusahakannya. Hasil sewa inilah yang akan menjana dana wakaf dan akan diberikan semula kepada MAIN oleh YWM (Mohd Haiyazid bin Mohammad, Sanep bin Ahmad, 2014), bahkan pembahagian keuntungan itu sebenarnya dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu, bahagian MAIN, YWM, dan selenggara.

Hasil keuntungan ini juga akan digunakan YWM sebagai modal untuk membangunkan aset wakaf yang lain tanpa mengharapkan peruntukan daripada kerajaan yang mungkin mengambil masa untuk disalurkan (Wan Mohammad Hafiz bin Wan Mat Resab, Zulkifli bin Mohammad, t.t). Bagi

menjamin status Patuh Syariah hotel-hotel wakaf, YWM bertanggungjawab memilih syarikat-syarikat pengusaha hotel-hotel ini yang kompeten dan komited dengan agenda pematuhan Syariah di premis-premis masing-masing, di samping, setiap hotel-hotel wakaf ini perlulah dipantau oleh Majlis Penasihat Syariah yang bebas mengawal perjalanan sesebuah hotel agar selari dengan prinsip Patuh Syariah.

PENUTUP

Sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi, bahawa pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah merupakan suatu perkara yang telah wujud dalam rancangan pembangunan negara. Namun pada masa sekarang dan hadapan, usaha secara bersepadu melalui kerjasama erat antara MAIN, JAWHAR, dan YWM mahupun agensi kerajaan seperti JAKIM dan syarikat korporat yang lain perlu dipertingkatkan dalam memastikan kelangsungan pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan Patuh Syariah. Dalam masa yang sama, masyarakat haruslah diberikan kefahaman yang mendalam berkaitan dengan keluasan pelaksanaan wakaf dalam kehidupan seorang Muslim, yang tidak hanya tertumpu lagi pada perkara-perkara yang konvensional seperti surau, masjid, sekolah, namun lebih luas daripada itu dalam bidang-bidang perniagaan dan korporat yang bakal memberikan impak yang sangat besar kepada masa depan Umat. Hal ini adalah kerana, di samping usaha kerajaan dan pihak tertentu, sokongan dan dokongan daripada seluruh Umat Islam di negara ini dalam menjayakan pelaksanaan wakaf dalam industri perhotelan patuh Syariah sangat penting.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hamzah, Hairunnizam Wahid. 2018. Persepsi Masyarakat terhadap Status Hotel Patuh Syariah berdasarkan Piawaian Malaysia: Satu Kajian di Hotel Tenera Bangi, Selangor. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia.
- Al-Azhari, Muhammad bin Ahmad. 2001. Tahzib Al-Lughah. Beirut. Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Halabi, Ibrahim bin Muhammad. 1998. Majma' Al-Anhar. Beirut. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Hijawi, Musa bin Ahmad. t.t. Al-Iqna. Lubnan. Dar Al-Makrifah.
- Al-Hisni, Abu Bakar bin Muhammad. 1994. Kifayah Al-Akhyar. Damsyik. Dar Al-Khair.
- Al-Maqdisi, Abdul Rahman bin Ibrahim. t.t. Al-Uddah. Al-Kaherah. Dar Al-Hadis.
- Al-Nawawi, Yahya bin Saraf. 1971. Al-Minhaj Syarh Shahih Muslim. Beirut. Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.

- Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad Al-Khatib. 1994. *Mughni Al-Muhtaj*. t.t. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 1998. *Al-Wasoya Wa Al-Waqaf Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Damsyik. Dar Al-Fikr.
- Asharaf Mohd Ramli, Abdullah Jalil. 2014. Model Perbankan Korporat: Analisis Wakaf Selangor. *Jurnal Pengurusan* 42.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1.
- Din K.H. 1982. Tourism in Malaysia: competing needs in a plural society, *Annals of Tourism Research*.
- Fairus Abadi, Muhammad bin Yaakob. 2005. *Al-Qamus Al-Muhit*. Lubnan. Muassasah Risalah.
- Haliza Abdul Rahman. 2018. Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. t.t. *Al-Mughni*. t.t. Maktabah Al-Kaherah.
- Mohamad Khairul Izwan Rifin, Wan Kamal Mujani, Izziah Suryani Mat Resad@Arshad. 2014. Pembangunan Wakaf Dalam Sektor Keagamaan, Teknologi Dan Kesihatan Di Negeri Sembilan. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqaf*.
- Mohd Ali Muhamad Don. 2016. Peranan Wakaf Untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi; Sejarah Silam Dan Pelaksanaan Di Malaysia. e-*Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC 2016*.
- Mohd Fadil Mohd Yusof, Mohd Zulkifli Muhammad. t.t. *Introducing Shariah Compliant Hotels as a New Tourism Product: The Case of Malaysia*.
- Mohd Haiyazid bin Mohammad, Sanep bin Ahmad. 2014. *Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Hotel Wakaf: Strategi Lautan Biru Nasional*.
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria, Mohd Zamro Muda. 2015. Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI)*.
- Nor Azizah Tukiran, Nor 'Azzah Kamri. 2018. Analisis Pemakaian Standard Untuk Pengurusan Hotel Patuh Syariah di Malaysia. *Online Journal Research in Islamic Studies*. Vol 5 No 2.
- Nor Zafir Md Salleh, Abu Bakar Abdul Hamid, Noor Hazarina Hashim, Siti Zaleha Omain. 2014. The Practice of Shariah-compliance Hotel in Malaysia. *International Journal of Trade, Economic and Finance*. Vol 4(1).
- Nor' Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Nor Aini Ali, Che Musa Che Omar, Noormuthaah Mohamad Ali Adaha. 2016. *Management of Sharia Compliant Hotel in Malaysia: The Experiences of Waqf Hotels*.

- Proceedings of the 3Rd International Halal Conference (INHAC 2016). Springer, Singapore.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman, Zaleha Yazid. 2013. Pengurusan Dan Pembangunan Wakaf Pendidikan: Kajian Kes di Selangor, Malaysia.
- Nur'Hidayah Che Ahmat, Mohd Salehuddin Mohd Zahari. t.t. Dry Hotel And Shariah Compliant Practices: Concept, Challenges, And Reality in Malaysia.
- Nurul Azma binti Abu Bakar, Muhammad Nasri bin Md. Hussain. 2017. Kaedah Pembangunan Tanah Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPK). *Journal of Islamic, Social, Economics, and Development*. Volume 2. Issue 4.
- Serkan Kara. 2017. Malaysia's Hotel Industry and Link Analysis: Tabung Haji Hotel Sample.
- Shofian bin Ahmad, t.t. Keperluan Koperasi Patuh Syariah Pada Masa Kini.
- Siti Fatma binti Mansor, Rosmawati bt Mohamad Rasit. 2015. Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam*.
- Wan Mohammad Hafiz bin Wan Mat Resab, Zulkifli bin Mohammad. t.t. Peranan JAWHAR Dalam Pembangunan Wakaf di Malaysia.
<http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/pelancongan-sumbang-rm84-1-bilion-pada-2018-1.849977> (diakses pada 10 Mei 2019).
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/hotel-patuh-syariah-pnb-1.283400> (diakses pada 19 Jun 2019).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.